

Dewan Rakyat: Kerajaan Kawal Selia Guna Tenaga Kelengkapan Elektrik Mulai 2014
Bernama
11 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan mengawal selia prestasi penggunaan tenaga bagi kelengkapan elektrik yang dijual di pasaran selepas penguatkuasaan Akta Kecekapan dan Penjimatan Tenaga menjelang atau penghujung tahun 2014.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Peter Chin Fah Kui berkata kementerian dalam proses pengubalan akta itu dengan tujuan mengawal kelengkapan yang memenuhi kriteria prestasi tenaga minimum dan berlabel tenaga untuk memasuki pasaran negara seperti diamalkan di Thailand, Singapura dan China.

"Kementerian dengan bantuan Suruhanjaya Tenaga telah mengkaji penggunaan tenaga dalam mod sedia (stand by) peralatan elektrik terutama televisyen.

"Hasil daripada ujian makmal yang dijalankan Sirim Malaysia mendapati ada penggunaan tenaga maksimum apabila peralatan elektrik dalam keadaan mod sedia dengan anggaran antara 1 watt hingga 5 watt," katanya menjawab soalan Khairy Jamaluddin (BN-Rembau) di Dewan Rakyat di sini, Selasa.

Chin berkata kementerian juga giat meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan dan faedah penggunaan kelengkapan elektrik yang cekap tenaga.

"Pengguna perlu diberi kesedaran bahawa membiarkan peralatan dalam keadaan mod sedia akan membazir penggunaan elektrik dan merupakan tabiat menggunakan tenaga yang tidak cekap.

"Bagi pengeluar pula, terdapat insentif ditawarkan sekiranya mereka menggunakan produk-produk cekap tenaga tertentu seperti penyaman udara, kipas, televisyen dan peti sejuk," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619194>